

Submission date: 03/01/2020

Accepted date: 1/04/2020

**GAYA BAHASA ‘ATF DENGAN WAW DALAM SURAH
AL-RŪM*****The Speech Act of ‘Atf with Waw in Surah al-Rūm***Mohamad Hussin, Muhammad Hakim Kamal
Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya

mohamadhussin@um.edu.my

Abstrak

Kajian ini merupakan kajian teks yang memfokuskan kepada penggunaan gaya bahasa ‘*atf* dengan *Waw* dalam surah *al-Rūm*. Dalam melakukan analisis ini, lima ayat daripada surah *al-Rūm* diambil sebagai bahan kajian. Fokus kajian adalah untuk meneliti perkaitan antara elemen ‘*atf* iaitu *ma‘tūf ‘alayh* dan *ma‘tūf* yang terdapat dalam ayat kajian. Dalam melakukan kajian ini, teori Ibn Qayyim (t.t) yang menekankan keperluan mendahului elemen yang perlu didahulukan dan mengkemudiankan elemen yang perlu dikemudiankan diaplikasi. Kajian mendapati perkaitan antara elemen ‘*atf* mengisyaratkan kepada suatu makna tertentu yang menggambarkan keindahan linguistik al-Quran. Keimanan dan melakukan amalan kebaikan yang digandingkan bersama mengisyaratkan kepada kedudukan iman sebagai asas penerimaan sesuatu amalan kebaikan. Perkaitan antara kasih sayang dan kasihan belas mengisyaratkan kepada peringkat yang ditempuhi dalam kehidupan berumah tangga. Manakala perkaitan antara pergerakan awan nipis lalu membentuk awan tebal bergumpal mengisyaratkan kepada *i‘jāz* saintifik dalam al-Quran yang menyatakan fungsi angin dalam proses pembentukan awan.

Kata kunci: gaya bahasa ‘*atf*, perkaitan elemen ‘*atf*, makna tersirat, surah *al-Rūm*.

Abstract

This study is a text study that focuses on the use of the speech act of ‘*atf* with *waw* in surah *al-Rūm*. In doing this analysis, five verses from surah *al-Rūm* were taken as the research samples. The focus of this study is to explore the connection between the elements of *ma‘tūf ‘alayh* and *ma‘tūf* contained in the samples. In doing this study Ibn Qayyim (t.t) theory has been applied to emphasize the element that needs to be preceded and delays the element that needs to be delayed. The study found that

the connection between the ‘*atf*’ element indicates a certain meaning that illustrates the linguistic beauty of the Qur’an. Faith and good deeds illustrate position of faith as the basis of acceptance of good deeds. The connection between affection and compassion indicates the phase in the marriage life. The connection between movements of thin cloud and the forming of thick clouds indicates the scientific *i’jāz* in the Qur’an which states the function of the wind in the process of cloud formation.

Keywords: speech act of ‘*atf*’, connection of the ‘*atf*’ elements, implied meaning, *al-Rūm* chapter.

PENDAHULUAN

al-Quran adalah kalam Allah S.W.T. yang diturunkan untuk dikaji dan ditadabbur isi kandungannya sebagai pedoman dan panduan hidup manusia. Kemukjizatnya dalam semua aspek sama ada aspek bahasa atau isi kandungan tidak dapat dinafikan. Setiap pemilihan partikel, perkataan dan struktur ayat yang digunakan dalam al-Quran mempunyai rahsia dan sebab tertentu dan tidak boleh ditukar ganti dengan selainnya. Inilah yang dinamakan linguistik rabbani yang mempunyai ciri ketahanan, keseimbangan dan kesesuaian untuk diterap dalam kajian bahasa manusia (Munif, 2015).

Salah satu daripada kata tugas dalam bahasa Arab ialah ‘*atf*’. Kata tugas berkenaan merupakan salah satu unit tatabahasa yang menggabungkan antara dua elemen iaitu *ma’ṭūf ‘alayh* dan *ma’ṭūf*. *Waw* merupakan salah satu daripada partikel ‘*atf*’ dan memiliki beberapa ciri keistimewaan yang membezakannya dengan partikel ‘*atf*’ lain. Contohnya, *waw* ‘*atf*’ dikenali sebagai partikel ‘*atf*’ induk kerana perbincangan mengenai ‘*atf*’ lebih tertumpu kepada *waw* dan partikel *waw* merupakan kata tugas ‘*atf*’ yang paling banyak digunakan (Ibn Sīdah, 1996:217). *Waw* juga merupakan partikel ‘*atf*’ terbanyak digunakan dalam al-Quran (Ḥardān, 2008; ‘Ālī, 2012; al-Talab, 2012). Dapatan kajian ‘Amāyirat (1988) menunjukkan bahawa *waw* ‘*atf*’ digunakan lebih daripada 1500 kali dalam al-Quran. *Waw* juga merupakan partikel ‘*atf*’ terbanyak digunakan dalam surah *al-Baqarah* iaitu sebanyak 546 (Rokiah, 2006; Muḥammad, 2009). Begitu juga dengan penggunaannya dalam surah *al-Kahfī* iaitu sebanyak 119 kali (Md Isa, 2009).

Dari sudut penggunaan, *waw* juga merupakan partikel ‘*atf*’ terbanyak digunakan berbanding partikel ‘*atf*’ yang lain iaitu sebanyak 85.20% (Ballfudayl, 2017). Manakala dari sudut yang lain, didapati sebanyak sembilan tempat dalam al-Quran yang mengandungi gabungan antara perlakuan solat sebagai *ma’ṭūf ‘alayh* yang digandingkan dengan perlakuan menginfakkan harta di jalan Allah S.W.T. sebagai *ma’ṭūf* dengan menggunakan partikel ‘*atf*’ *waw*. Perkaitan antara perlakuan solat

(*ma'tūf 'alayh*) dengan perlakuan menginfakkan harta (*ma'tūf*) ini merupakan isyarat kepada kesyumuluan ajaran Islam yang menitikberatkan nilai keagamaan dan nilai kemanusiaan dalam kehidupan manusia (al-Syarqāwiy, 1981).

Justeru, kajian ini dilakukan bertujuan untuk meneliti penggunaan partikel *atf waw* dalam surah *al-Rūm* serta perkaitan antara elemen '*atf* dalam surah berkenaan, dengan tujuan untuk meneliti makna tersirat yang terhasil di sebalik penggunaan elemen berkenaan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Waw 'atf merupakan salah satu kata tugas yang paling banyak digunakan dalam bahasa Arab dan berfungsi menggabungkan antara elemen '*atf* iaitu *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* (Ibn Sīdah, 1996). Menurut al-Syarqāwiy (1981) sebahagian sarjana tafsir terkadang menumpukan kepada gabungan antara elemen '*atf* dalam al-Quran, namun mereka tidak menghuraikan perkaitan antara elemen berkenaan, terutamanya yang melibatkan perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dan *ma'tūf* yang sama tetapi berbeza penyusunannya dalam ayat yang berlainan. Contohnya, firman Allah S.W.T.:

﴿يَوْمَ يَفِرُّ الْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ (34) وَأُمِّهِ وَأَبِيهِ (35) وَصَاحِبَتِهِ وَبَنِيهِ (36) لِكُلِّ امْرِئٍ مِنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ يُعْنِيهِ (37)﴾

Terjemahan: “Pada hari ketika manusia lari daripada saudaranya, dan daripada ibu dan bapanya, dan daripada isteri dan anak-anaknya. Setiap orang daripada mereka pada hari itu mempunyai urusan yang sangat menyibukkannya” (surah 'Abasa 80: 34-37).

Allah S.W.T. juga berfirman:

﴿يَوَدُّ الْمُجْرِمُ لَوْ يَفْتَدِي مِنْ عَذَابِ يَوْمِئِذٍ بَيْنِي (11) وَصَاحِبَتِي وَأَخِي (12) وَقَصِيَّتِي الَّتِي نُوْوِيهِ (13) وَمَنْ فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ يُنْجِيهِ (14)﴾

Terjemahan: “Orang kafir menginginkan kalaulah dia dapat menebus (dirinya) daripada azab pada hari itu dengan anak-anaknya, dan isterinya dan saudaranya, dan kaum keluarga yang melindunginya (di dunia), dan orang-orang di bumi seluruhnya, kemudian (mengharapkan) tebusan itu dapat menyelamatkannya” (surah *al-Ma'ārij* 70: 11-14).

Dalam kedua-dua ayat di atas terdapat elemen '*atf* yang hampir sama iaitu disandarkan perkataan أَخِيهِ (saudaranya), أُمِّهِ (ibunya), أَبِيهِ (bapanya), صَاحِبَتِي (isterinya) dan بَنِيهِ (anakanya) dengan menggunakan partikel '*atf waw*. Walau bagaimanapun susunan elemen berkenaan adalah berbeza dalam kedua ayat dengan adanya elemen pendapanan dan pengakhiran setiap elemen berkenaan. Menurut al-

Kalbiy (1973) ayat dalam surah ‘*Abasa* di atas dalam konteks melarikan diri daripada orang terdekat hubungannya dengan seseorang pada hari akhirat kelak kerana sibuk dengan urusan masing-masing. Justeru ayat berkenaan dimulakan dengan insan yang agak jauh hubungannya dengan seseorang iaitu saudaranya; dan diakhiri dengan orang yang paling hampir dalam hidupnya iaitu anak. Manakala ayat dalam surah *al-Ma‘ārij* pula dalam konteks mencari penyelamat dan pembantu di akhirat. Oleh yang demikian didahulukan orang yang paling dekat hubungan dengan seseorang iaitu anaknya dan diakhiri dengan orang yang agak jauh iaitu kaum keluarga dan manusia sejagat.

Hal ini menunjukkan bahawa perkaitan antara elemen ‘*atf* mengisyaratkan kepada makna tertentu yang akan menyerlahkan keindahan linguistik al-Quran. Melihat kepada realiti ini, kajian yang memfokuskan kepada perkaitan antara *ma‘tūf ‘alayh* dengan *ma‘tūf* dilakukan dan makna tersirat disebalik penggabungan berkenaan diteliti.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dihuraikan secara deskriptif. Dalam melakukan penganalisan data kajian, kaedah kepustakaan digunakan. Data-data terkumpul diambil daripada lima contoh ayat yang terdapat dalam surah *al-Rūm*. Data kajian dianalisis menggunakan sumber perkamusan, kitab tafsir al-Quran, buku, serta tesis yang berkaitan. Dalam melakukan analisis, *waw ‘atf, ma‘tūf ‘alayh* dan *ma‘tūf* dikeluarkan dengan merujuk kepada kitab fleksi al-Quran yang muktabar.

Peringkat analisis seterusnya membincangkan perkaitan antara *ma‘tūf ‘alayh* dengan *ma‘tūf* dalam surah *al-Rūm*. Perbincangan ini berpandukan pendekatan yang dibawa oleh Ibn Qayyim (t.t) melalui karyanya *Badāi‘ al-Fawāid*. Menurut Ibn Qayyim (t.t) salah satu daripada dua elemen ‘*atf* iaitu *ma‘tūf ‘alayh* dan *ma‘tūf* lebih berhak untuk didahulukan berbanding elemen yang lain. Hal ini pula berkait rapat dengan hikmah mendahulukan elemen yang berhak didahulukan dan mengkemudiankan elemen yang berhak dikemudiankan (Ibn Qayyim, t.t). Contohnya, firman Allah S.W.T.:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ (9)﴾

Terjemahannya: “Wahai orang beriman! Jangan kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak pinak kamu daripada mengingati Allah” (surah *al-Munāfiqūn* 63:9)

Gabungan antara *ma'tūf 'alayh* (أَمْوَالِكُمْ) [harta benda] dengan *ma'tūf* (أَوْلَادِكُمْ) [anak pinak] dalam ayat di atas juga diulang dalam ayat 28 surah *al-Anfāl* dan ayat 37 surah *Saba'* dengan pola yang sama. Elemen *ma'tūf 'alayh* [harta benda] didahulukan ke atas elemen *ma'tūf* [anak pinak] dalam ayat-ayat berkenaan. Namun begitu, dalam ayat 24 surah *al-Tawbah* dan ayat 14 surah *Āli 'Imrān* susunannya adalah berbeza. Perkataan [anak pinak] pula digunakan sebagai *ma'tūf 'alayh* mendahului perkataan [harta benda] sebagai *ma'tūf*.

Menurut Ibn Qayyim (t.t) perbezaan konteks yang melatari ayat-ayat berkenaan menyebabkan adanya keperluan untuk mendahulukan elemen yang lebih berhak untuk didahulukan di dalamnya. Ayat yang mendahulukan [harta benda] ke atas [anak pinak] melibatkan konteks kehidupan seharian yang dijalani oleh manusia dalam keadaan aman. Ayat berkenaan diturunkan sebagai peringatan kepada manusia supaya tidak lalai terhadap harta benda dan tidak terlalu sibuk mengumpulkannya sehingga melupakan kesudahan pada hari akhirat kelak. Seperti yang diketahui, kesibukan dan kelalaiannya manusia terhadap harta benda melebihi kesibukannya terhadap anak pinak. Justeru, elemen berkenaan didahulukan dalam ayat (Ibn Qayyim, t.t).

Namun, ayat yang mendahulukan [anak pinak] ke atas [harta benda] adalah dalam konteks menyatakan tuntutan jihad di jalan Allah. Orang yang hendak berjihad akan memikirkan perpisahannya daripada ahli keluarga seperti anak-pinak melebihi perpisahan dan kehilangan harta benda. Maka, gambaran tentang perpisahan daripada keluarga merupakan penghalang utama dalam memenuhi tuntutan jihad berbanding dengan kehilangan harta benda. Oleh yang demikian elemen berkenaan didahulukan dalam ayat (Ibn Qayyim, t.t).

Justeru dalam kajian ini perkaitan antara elemen 'atf dalam ayat kajian dikaji dan pendekatan ini akan mengisyaratkan kepada kehalusan makna yang terkandung dalam elemen 'atf dalam surah kajian.

Sebab Pemilihan Surah

Surah *al-Rūm* dipilih sebagai bahan kajian kerana surah ini sarat dengan kisah yang menjurus kepada akidah dan tauhid seperti peristiwa-peristiwa ghaib, perbezaan antara golongan yang menyembah Allah dan golongan yang menyembah berhala, keadaan hari kiamat, kesudahan bagi orang beriman dan orang kafir serta fenomena alam semesta yang menunjukkan kepada kekuasaan Allah S.W.T. (al-Syarqāwiy, 1981). Menurut al-Syarqāwiy (1981:192) isu akidah, tauhid dan perkara yang berkait dengan keduanya merupakan isu terpenting dalam al-Quran dari sudut perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* kerana mengisyaratkan kepada kehalusan makna tertentu secara tersirat.

Oleh kerana surah *al-Rūm* banyak mengandungi kisah berkaitan dengan akidah dan tauhid, maka ini menonjolkan kepentingan penggunaan partikel *waw* ‘*atf*, sekaligus merupakan bahan yang menarik untuk dikaji dan dibincangkan. Rasional pendepanan satu klausa ke atas klausa yang lain dalam satu ayat dapat difahami dengan lebih mendalam melalui penelitian ini.

‘*Atf* Dalam Bahasa Arab

‘*Atf* ialah salah satu bentuk *tābi*‘ (*kata susul*) dalam bahasa Arab. ‘*Atf* bermaksud menggabungkan antara perkataan dengan perkataan sama ada yang berbentuk kata nama atau kata kerja yang mana *ma* ‘*tūf* akan mengikuti *ma* ‘*tūf* ‘*alayh* dari sudut hukum dan tanda *i* ‘*rāb* (al-Lādaqiy, 2016). ‘*Atf* boleh dibahagikan kepada dua iaitu ‘*atf bayān* dan ‘*atf nasq*.

Sekiranya *tābi*‘ (*kata susul*) yang mana berfungsi menjelaskan *matbū*‘ (*kata yang disusuli*) jika kata yang disusuli adalah *ma* ‘*rifah* dan berfungsi mengkhususkan kata yang disusuli sekiranya kata yang disusuli berkenaan adalah *nakirah*, maka kata susul berkenaan dinamakan ‘*atf bayān*. Contoh *atf bayān ma* ‘*rifah* ialah ayat berikut: قَالَ الْمَلِكُ دَبْشَلِيمَ لِلْفَيْلَسُوفِ نَبِيَدَا [Raja Dabsyalīm telah berkata kepada ahli falsafah Baydabā].

Perkataan دَبْشَلِيمَ dalam ayat ini merupakan ‘*atf bayān ma* ‘*rifah* yang menjelaskan kata yang disusuli iaitu perkataan الْمَلِكِ. Merujuk kepada ‘*atf bayān* berkenaan, dapat difahami bahawa raja yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah Raja Dabsyalīm. Contoh *atf bayān nakirah* pula ialah أَكَلْتُ فَاكِهَةً نُّفَاحَةَ [Aku telah memakan buah epal]. Perkataan نُّفَاحَةَ merupakan *atf bayān nakirah* yang mengkhususkan jenis buah yang telah dimakan oleh penutur.

‘*Atf nasq* pula terjadi apabila wujudnya partikel ‘*atf* yang terletak antara kata susul dan kata yang disusuli (Ibn Hisyām, 2008, jil. 2: 112). Hal ini kerana ‘*atf* kategori ini menggunakan kata tugas sebagai alat penghubung. Contohnya: مَرَزْتُ بِرَيْدٍ فَعَمَرُو [Aku melintasi Zayd lalu aku melintasi ‘Amr]. Ayat ini mengandungi elemen ‘*atf nasq* kerana terdapat partikel ‘*atf* /ف/ *fā*’ yang menggabungkan antara kata yang disusuli (Zayd) dengan kata susul (‘Amr).

Perkaitan Antara *Ma* ‘*tūf* ‘*Alayh* Dengan *Ma* ‘*tūf*

Menurut al-Syarqāwiy (1981: 97) sarjana terdahulu lebih menfokuskan perbincangan mengenai gaya bahasa ‘*atf* dari sudut perkaitan antara *ma* ‘*tūf* ‘*alayh* dengan *ma* ‘*tūf* yang berbentuk ayat bukan perkataan. Kehalusan makna yang tersirat di sebalik perkaitan antara *ma* ‘*tūf* ‘*alayh* dengan *ma* ‘*tūf* yang berbentuk perkataan kurang diterokai. Di samping itu, kajian berkaitan ‘*atf* terbatas sekadar meneroka isu

yang diketengahkan oleh sarjana nahu seperti perkongsian hukum antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf*, makna partikel 'atf *nasq* dan sebagainya (al-Syarqāwiy, 1981).

al-Jurjāniy misalnya hanya membahaskan gaya bahasa 'atf dari sudut pemisahan dan penyambungan ayat sedangkan perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* yang berbentuk perkataan juga mengisyaratkan kepada kehalusan makna tertentu berdasarkan konteks yang melatari sesuatu ayat (al-Syarqāwiy, 1981). Contohnya, terdapat lebih dari 9 tempat dalam al-Quran ayat yang menggabungkan antara perlakuan solat (*ma'tūf 'alayh*) dengan perlakuan menginfakkan harta di jalan Allah S.W.T. (*ma'tūf*) dengan menggunakan partikel *waw 'atf*.

Kebanyakan sarjana tafsir berpendapat bahawa perlakuan menginfakkan harta digabungkan dengan perlakuan solat kerana kedua-dua perlakuan berkenaan hampir dari sudut kedudukan, kelebihan dan kepentingan kedua-dua amalan berkenaan (al-Syarqāwiy, 1981, 236-237). Namun perkaitan antara perlakuan solat sebagai *ma'tūf 'alayh* dengan perlakuan menginfakkan harta sebagai *ma'tūf* dalam al-Quran juga mengisyaratkan kepada kesyumulan Islam yang menitikberatkan nilai keagamaan dan nilai kemanusiaan yang sangat berkait dalam kehidupan manusia (al-Syarqāwiy, 1981).

Perlakuan solat akan membersihkan dan menyucikan jiwa pelakunya. Manakala perlakuan menginfakkan harta memerlukan seseorang itu memiliki jiwa yang bersih dan suci. Maka, apabila seseorang itu mentaati Tuhan dan menyembahNya dengan penuh keikhlasan akan mendorong insan tersebut untuk lebih menghargai nilai kemanusiaan dengan membantu golongan yang memerlukan dari sudut harta dan sebagainya (al-Syarqāwiy 1981, 238).

Dapatan Rūbhī (2012) menunjukkan bahawa perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* mengisyaratkan kepada kehalusan makna yang spesifik. Dalam ayat 2 surah *al-Anfāl* menceritakan tentang tiga tingkat amalan rohani yang mulia di sisi Allah iaitu perlakuan takut kepada Allah (*ma'tūf 'alayh*), perlakuan beriman (*ma'tūf*) dan perlakuan bertawakkal kepadaNya (*ma'tūf kedua*). Namun begitu, perlakuan bertawakkal merupakan amalan rohani yang paling tinggi dan paling mulia di sisi Allah S.W.T. (al-Rāziy, 1981). Maka, ayat ini secara halus mengisyaratkan kepada peringkat amalan manusia untuk memperoleh kesempurnaan iman di sisi Allah S.W.T. (al-Rāziy, 1981).

Dapatan Mahdiy (2015) menunjukkan bahawa gaya bahasa 'atf yang terkandung dalam ayat 11 dan 12 surah *al-Ṭāriq* juga mengisyaratkan kepada makna tertentu. Ayat 11 menceritakan tentang hujan (*ma'tūf 'alayh*) manakala ayat 12 menceritakan tentang tumbuhan yang tumbuh dari tanah (*ma'tūf*). Menurut al-Rāziy (1981) hujan

dalam ayat berkenaan bermaksud benih manusia (*ma‘tūf ‘alayh*), tumbuhan pula bermaksud manusia dan tanah adalah rahim (*ma‘tūf*). Penciptaan manusia terhasil daripada pencantuman antara sperma dengan ovum di dalam rahim, dengan kehendak Allah S.W.T. Apabila Allah berkuasa untuk menggabungkan antara keduanya sehingga terhasilnya manusia, maka apabila manusia mati, Allah juga Maha Berkuasa untuk menghidupkannya dan mengembalikannya semula kepada keadaan asal (al-Rāziy, 1981). Justeru perkaitan antara ayat 11 (*ma‘tūf ‘alayh*) dengan ayat 12 (*ma‘tūf*) surah *al-Tāriq* mengisyaratkan kepada proses kebangkitan semula manusia pasti berlaku pada hari akhirat kelak.

Kesimpulannya, perkaitan antara elemen ‘*atf* dalam al-Quran mengisyaratkan kepada suatu makna secara tersirat. Setiap kata tidak diletakkan dalam suatu susunan ayat sepertimana adanya sahaja. Sebaliknya susunan berkenaan mengambil kira perkaitan setiap komponen ayat antara satu sama lain. Ini juga adalah suatu jalinan atau susunan yang memberi gambaran adanya hubung kait antara satu bahagian ayat dengan bahagian yang lain. Sehingga ada sebab mengapa sesuatu kata itu diletakkan di sesuatu tempat.

DAPATAN KAJIAN

Dalam bahagian ini lima ayat yang mengandungi elemen ‘*atf* dalam surah *al-Rūm* akan dianalisis dan perkaitan antara elemen berkenaan akan diinterpretasi untuk melihat kehalusan makna yang diisyaratkan dalam ayat kajian.

Perkaitan antara iman dengan melakukan amalan salih

Allah S.W.T. berfirman:

﴿فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَهُمْ فِي رَوْضَةٍ يُحْبَرُونَ﴾

Terjemahan: “Adapun orang beriman dan mengerjakan amalan kebaikan, maka mereka akan ditempatkan di taman (syurga) dalam keadaan bergembira” (surah *al-Rūm* 30: 15).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *waw* ‘*atf* yang menggabungkan antara kata kerja *آمَنُوا* (*ma‘tūf ‘alayh*) dengan rangkai kata *عَمِلُوا الصَّالِحَاتِ* (*ma‘tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Gabungan elemen ‘*atf* ini juga diulang dalam ayat 45 surah *al-Rūm*. Rangkai kata *عَمِلُوا الصَّالِحَاتِ* [amalan kebaikan] digabungkan dengan perkataan *الإِيمَانُ* [keimanan] dan ini menunjukkan bahawa amalan kebaikan merupakan ‘pasangan’ kepada keimanan. Keimanan tidak bermanfaat sekiranya tidak diiringi dengan amalan kebaikan (al-Durrat, 2009). Sabda Rasulullah s.a.w.:

﴿الإِيمَانُ بِاللَّهِ وَالْعَمَلُ قَرِينَانِ، لَا يُصْلِحُ وَاحِدٌ مِنْهُمَا إِلَّا مَعَ صَاحِبِهِ﴾

Terjemahan: “Keimanan kepada Allah dan amalan kebaikan adalah pasangan. Setiap satu daripadanya tidak akan sempurna melainkan apabila bersama dengan pasangannya” (al-Māwardiy, t.t).

Ibn Qayyim (1986, 112) berpendapat bahawa keimanan mempunyai dua sudut iaitu sudut luaran dan sudut dalaman. Sudut luaran adalah melibatkan percakapan dan perbuatan manakala sudut dalaman adalah keikhlasan hati dan ketaatan. Kegagalan anggota tubuh dalam melakukan amalan kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah bukti kerosakan jiwa dan ketiadaan iman. Kurangnya amalan kebaikan menunjukkan kurangnya iman dan begitulah sebaliknya. Menurut Ibn Taymiyyah (1998) keimanan asalnya berada di dalam hati. Amalan anggota tubuh adalah syarat kepada keimanan. Perkataan keimanan yang kebiasaannya digabungkan dengan rangkaian kata amalan kebaikan mengisyaratkan bahawa keimanan di hati sahaja tidak mencukupi tetapi keimanan mestilah diiringi dengan melakukan amalan kebaikan.

al-Durrah (2009) juga berpandangan bahawa keimanan merupakan prasyarat sesuatu amal kebaikan itu diterima di sisi Allah S.W.T. Rangkaian kata golongan yang beriman sebagai *ma'tūf 'alayh* digabungkan dengan rangkaian kata mengerjakan amalan kebaikan sebagai *ma'tūf* dalam ayat di atas kerana amalan kebaikan hanya bermanfaat sekiranya amalan kebaikan diiringi dengan keimanan. Namun begitu, keimanan semata-mata hanya memberi manfaat keselamatan tanpa ketinggian darjat. Hal ini kerana seorang yang beriman tidak akan memperolehi ketinggian darjat melainkan dengan keimanan yang diiringi dengan amalan kebaikan (al-Rāziy, 1981).

Keimanan (*ma'tūf 'alayh*) pada hakikatnya merupakan titik permulaan kepada mengerjakan amalan kebaikan (*ma'tūf*) (Ḥalālī, 2011). Menurut Shaykhū (t.t) keimanan adalah kepercayaan dan keyakinan yang terhasil daripada pemerhatian dan penelitian. Keimanan dicapai dengan berfikir dan meneliti alam semesta berserta dengan isinya yang menzahirkan keadilan Allah S.W.T dan rahmatNya. Melalui perlakuan ini, jiwa manusia akan melihat keagungan dan tanda-tanda kebesaran tuhan yang maha mencipta.

Keimanan dan keyakinan terhadap pencipta yang maha agung hanya terhasil setelah pemerhatian dan penelitian berlaku. Apabila seseorang melihat kebesaran Tuhan, keadilan dan rahmatNya, dia akan tunduk dan menyerah diri kepada Allah S.W.T., maka dia akan taat melakukan amalan kebaikan yang diperintah. Oleh sebab itulah, Allah S.W.T. menyebut rangkaian kata *عَمَلُوا الصَّالِحَاتِ* [amalan kebaikan] selepas perkataan *آمَنُوا* [keimanan] dalam 38 tempat dalam al-Quran dan dua daripadanya dalam surah *al-Rūm* ayat 15 dan 45.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa keimanan (*ma‘tūf ‘alayh*) yang merupakan titik permulaan kepada melakukan amalan kebaikan (*ma‘tūf*) adalah pasangan yang saling melengkapi serta bertambah dan berkurang secara bersama. Setiap satu daripadanya tidak akan sempurna melainkan diiringi dengan pasangannya.

Oleh yang demikian, perkaitan antara *ma‘tūf ‘alayh* dengan *ma‘tūf* dalam ayat di atas mengisyaratkan kepada keperluan dan perkaitan antara keimanan dengan melakukan amalan kebaikan.

Perkaitan antara *mawaddah* dan *rahmah* sebagai pelengkap kebahagiaan berumah tangga

Firman Allah S.W.T.:

﴿وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ﴾

Terjemahan: “Dan antara tanda-tanda (kebesaran)Nya ialah Dia menciptakan pasangan-pasangan untukmu dari jenismu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan Dia menjadikan antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang berfikir” (surah al-Rūm 30: 21).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *waw ‘atf* yang menggabungkan antara *ma‘tūf ‘alayh* iaitu perkataan مَوَدَّة [kasih sayang] dengan *ma‘tūf* iaitu perkataan رَحْمَةً [belas kasihan] (al-Ibrāhīm, 2012). Para ulama berselisih pandangan mengenai maksud perkataan مَوَدَّة sebagai *ma‘tūf ‘alayh* dan perkataan رَحْمَةً sebagai *ma‘tūf* dalam ayat ini. Ibn Kathīr (2013), Ibn ‘Asyūr (1984) dan Ibn ‘Abbās dalam al-Qurṭubiy (2006) berpendapat bahawa perkataan مَوَدَّة bermaksud kasih sayang dan رَحْمَةً pula bermaksud belas kasihan dan simpati. Namun menurut Mujāhid, al-Ḥasan dan ‘Ikrimat dalam al-Andalusiy (2008) perkataan مَوَدَّة adalah kiasan kepada persetubuhan halal dan رَحْمَةً adalah kiasan kepada zuriat. Manakala al-Alūsiy (2008) menukilkan pendapat sarjana yang menegaskan bahawa مَوَدَّة adalah perasaan yang terhasil antara pasangan yang muda manakala رَحْمَةً pula adalah perasaan yang terhasil antara pasangan yang berumur.

Walau bagaimanapun, dari sisi yang lain sebahagian ulama seperti al-Sya‘rawiy (1972) dan al-Rāziy (1981) lebih cenderung menginterpretasi makna perkataan مَوَدَّة (*ma‘tūf ‘alayh*) kepada maksud kasih sayang yang berbalas antara suami dan isteri dalam fasa awal kehidupan berumah tangga. Manakala perkataan رَحْمَةً (*ma‘tūf*) pula

diinterpretasikan sebagai belas kasihan yang terhasil antara suami dan isteri pada penghujung kehidupan berumah tangga.

Suami berusaha memenuhi segala keperluan dalam kehidupan berumah tangga, manakala isteri pula bersungguh-sungguh menjalankan urusan di rumah. Namun, keadaan manusia akan berubah. Contohnya kekuatan berubah kepada keuzuran, kekayaan berubah kepada kemiskinan dan sebagainya. Kasih sayang (*ma'tūf 'alayh*) dalam kehidupan berumah tangga berkemungkinan semakin berkurangan antara suami dan isteri dalam situasi ini. Namun, perasaan kasihan belas (*ma'tūf*) memainkan peranan mengukuhkan hubungan perkahwinan berkenaan (al-Sya'rāwiy, 1972). Justeru, perasaan kasih sayang sebagai *ma'tūf 'alayh* yang terhasil pada peringkat awal perkahwinan akan membawa kepada perasaan kasihan belas sebagai *ma'tūf* yang terhasil pada peringkat pertengahan dan penghujung kehidupan berumah tangga walaupun faktor keuzuran, penyakit dan kekurangan mungkin boleh menyebabkan kasih sayang menjadi berkurang (al-Rāziy, 1981).

Justeru, perkaitan antara kasih sayang (*ma'tūf 'alayh*) dengan belas kasihan (*ma'tūf*) dalam ayat di atas mengisyaratkan kepada peringkat kebahagiaan dalam kehidupan berumah tangga. Hal ini kerana kehidupan berumah tangga mempunyai dua tahap yang akan dialami oleh pasangan suami isteri. Pertama, peringkat kasih sayang (*ma'tūf 'alayh*) dan kedua peringkat belas kasihan (*ma'tūf*). Kedua-dua peringkat saling berkait sehingga menyebabkan dua insan daripada latar belakang yang berbeza dan darah daging yang berbeza boleh saling berkorban antara satu sama lain dalam melayari bahtera kehidupan.

Perkaitan antara waktu tidur dengan aktiviti manusia mencari rezeki

Allah S.W.T. berfirman:

﴿وَمِنْ آيَاتِهِ مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَابْتِغَاؤُكُمْ مِّنْ فَضْلِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ﴾

Terjemahan: “Dan antara tanda-tanda (kebesaran)Nya ialah tidurmu pada waktu malam dan siang hari dan usahamu mencari rezeki daripada kurniaanNya. Sesungguhnya keadaan demikian mengandungi tanda-tanda bagi kaum yang mendengar” (surah al-Rūm 30: 23).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan waw 'atf yang menghubungkan antara perlakuan tidur pada waktu malam dan siang (*ma'tūf 'alayh*) dengan perlakuan mencari rezeki (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Menurut Ibn 'Atīyyaṭ (2001) rangkai kata *مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ* mengandungi unsur pendepanan (*taqdīm*) dan pengakhiran (*ta'khīr*) dengan andaian *مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ* [tidurmu pada waktu malam dan usahamu mencari sebahagian daripada kurniaanNya pada siang hari]. Maka, waktu malam (*اللَّيْلِ*) digabungkan dengan perlakuan tidur (*مَنَامُكُمْ*) dan waktu siang (*النَّهَارِ*) digabungkan dengan perlakuan mencari rezeki (*ابْتِغَاؤُكُمْ*).

Walaubagaimana pun, al-Andalusiy (2008) menegaskan bahawa waktu malam dan siang digabungkan dengan perlakuan tidur (*ma‘tūf ‘alayh*) dan perlakuan mencari rezeki (*ma‘tūf*). Hal ini kerana perlakuan tidur pada waktu malam adalah keadaan semula jadi yang berlaku pada kebiasaannya, akan tetapi perlakuan tidur pada waktu siang pula adalah berdasarkan kepada keperluan sesetengah individu (al-Uramiy, 2001).

al-Ṭanṭāwiy (1992) menyatakan bahawa golongan yang bekerja pada waktu malam akan tidur pada waktu siang. Golongan yang bekerja pada waktu siang pula akan tidur dan rehat sebentar pada waktu Zuhur. Oleh itu manusia tidur pada waktu malam atau siang berdasarkan kepada keperluan jasmani dan rohani mereka. Justeru, perlakuan tidur sebagai *ma‘tūf ‘alayh* dan perlakuan mencari rezeki sebagai *ma‘tūf* berlaku pada waktu malam dan siang. Namun begitu tidak dinafikan bahawa perlakuan tidur berlaku secara semula jadi pada waktu malam berbanding waktu siang. Hal ini kerana waktu malam adalah secara semula jadi masa untuk tidur dan rehat bagi manusia setelah kepenatan bekerja pada waktu siang.

Oleh yang demikian, perkaitan antara perlakuan tidur (*ma‘tūf ‘alayh*) dengan perlakuan mencari rezeki (*ma‘tūf*) dalam ayat di atas mengisyaratkan kepada hakikat kehidupan manusia dari sudut perlakuan tidur dan mencari rezeki yang berlaku pada waktu malam dan siang.

Keutamaan mendahulukan kaum kerabat

Firman Allah S.W.T.:

﴿فَاتِذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ ذَلِكَ خَيْرٌ لِلَّذِينَ يُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾

Terjemahan: “Maka berikanlah hak masing-masing kepada kaum kerabat yang hampir denganmu dan golongan miskin dan orang musafir. Pemberian yang demikian adalah baik bagi orang yang mengharapkan keredaan Allah dan mereka itulah golongan yang berjaya” (surah al-Rūm 30: 38).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *waw ‘atf* yang menggabungkan antara rangkai kata *فَاتِذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ* (*ma‘tūf ‘alayh*) dengan perkataan *الْمِسْكِينَ* (*ma‘tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Sebahagian sarjana mengatakan rangkai kata *فَاتِذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ* sebagai *ma‘tūf ‘alayh* dalam ayat ini dimansuhkan dengan ayat al-Quran mengenai harta pusaka. Namun al-Qurtūbiy (2006) menegaskan bahawa rangkai kata ini tidak dimansuhkan kerana hakikatnya, terdapat hak yang wajib diberikan kepada kaum keluarga terdekat.

Para sarjana juga berselisih pandangan mengenai makna rangkai kata *ذَا الْقُرْبَىٰ* (*ma'tūf 'alayh*) dalam ayat berkenaan. Berdasarkan nukilan daripada al-Naḥḥās (2008) ada sarjana yang berpendapat bahawa rangkai kata ini bermaksud kaum kerabat yang hampir dengan Nabi Muhammad s.a.w. Walaupun demikian, al-Durrah (2009) lebih cenderung menginterpretasi makna rangkai kata *ذَا الْقُرْبَىٰ* kaum keluarga yang hampir dengan seseorang itu sama ada kaum kerabat sebelah ibu, atau bapa atau seumpamanya.

Hal ini kerana partikel *fā'* yang terdapat pada rangkai kata *فَاتِذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ* mengisyaratkan kepada adanya hubungan dan susunan antara rangkai kata ini dengan ayat sebelumnya yang menjelaskan kesan-kesan pemberian rahmat Allah S.W.T. kepada manusia. Justeru, pemberian hak kepada golongan yang berhak merupakan perintah Allah S.W.T. kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan umatnya sama ada yang beriman atau kafir. Hal ini dikukuhkan dengan rangkai kata selepasnya yang mengatakan perlakuan pemberian hak ini adalah baik bagi manusia yang mengharapkan keredaan Allah S.W.T., iaitu rangkai kata *ذَلِكَ خَيْرٌ لِلَّذِينَ يُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ* [Pemberian yang demikian adalah baik bagi orang yang mengharapkan keredaan Allah] (Ibn 'Āsyūr, 1984).

al-Ṭantāwiy (1992) berpendapat bahawa rangkai kata "*maka berikanlah hak masing-masing kepada kaum kerabat yang hampir denganmu*" sebagai *ma'tūf 'alayh* dalam ayat ini bermaksud pemberian hak kepada kaum keluarga terdekat sama ada berbentuk sedekah atau semua jenis kebaikan yang dibina atas dasar silaturahim. Hal ini dapat difahami dengan merujuk kepada rangkai kata (hak masing-masing) yang bermaksud apa jua yang berhak dimiliki oleh seseorang sama ada yang wajib atau sunat seperti sedekah, silaturahim dan sebagainya (al-Uramiy, 2001). Menurut Ibn 'Āsyūr (1984) hak bagi setiap kaum kerabat (*ma'tūf 'alayh*) adalah berbeza berdasarkan keperluan. Untuk kaum kerabat yang kaya, hak mereka diberikan sebagai lambang kasih sayang, namun hak terbesar dalam kalangan kaum kerabat adalah hak kepada kaum kerabat yang fakir.

Rangkai kata *فَاتِذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ* sebagai *ma'tūf 'alayh* digabungkan dengan perkataan *الْمِسْكِينِ* sebagai *ma'tūf* pertama. Hak bagi golongan miskin pula adalah dengan menampung kekurangannya (Ibn 'Āsyūr, 1984). Golongan miskin (*ma'tūf* pertama) dalam ayat ini menurut Ibn Kathīr (2013) ialah orang yang tiada harta untuk dibelanjakan atau berharta tetapi tidak mencukupi.

Namun begitu, kaum kerabat yang hampir (*ma'tūf 'alayh*) didahulukan ke atas golongan miskin (*ma'tūf*) kerana hak yang diberikan kepada kaum kerabat adalah keperluan dan kewajipan berbanding golongan miskin (al-Durrah, 2009). Maka,

pemberian hak kepada kaum keluarga terdekat (*ma‘tūf ‘alayh*) adalah pemberian paling utama. Hal ini kerana pemberian hak kepada golongan miskin (*ma‘tūf*) yang dimaksudkan dalam ayat ini bukanlah hak zakat tetapi sedekah yang disunatkan. Hal ini difahami dengan merujuk kepada sejarah surah *al-Rūm* yang diturunkan di Mekah sedangkan perintah mengeluarkan zakat berlaku pada tahun kedua baginda s.a.w. berhijrah ke Madinah (al-Uramiy, 2001).

Seterusnya, rangkai kata فَاتَ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ sebagai *ma‘tūf ‘alayh* digabungkan pula dengan rangkai kata ابْنِ السَّبِيلِ sebagai *ma‘tūf* kedua. Mujāhid dalam al-Māwardiy (t.t) berkata: golongan ابْنِ السَّبِيلِ bermaksud orang bermusafir. Jika orang bermusafir dalam keadaan miskin, maka zakat adalah haknya. Jika dia dalam keadaan sebaliknya, maka kebaikan dan hubungan antara manusia adalah haknya. al-Durrah (2009) mengatakan bahawa rangkai kata ابْنِ السَّبِيلِ yang dimaksudkan ialah orang musafir yang terputus bekalannya dalam perjalanan dan kehabisan harta.

Ibn ‘Abbās, Ibn Jubayr dan Qatādah dalam al-Māwardiy (t.t) pula berpendapat bahawa rangkai kata ابْنِ السَّبِيلِ yang dimaksudkan dalam ayat berkenaan ialah tetamu yang berkunjung, maka hal ini melibatkan hak kebaikan dan hak hubungan antara manusia. Namun begitu hak yang berupa harta juga boleh diberi kepada tetamu jika dia fakir yang berhak mendapat zakat. Namun menurut al-Uramiy (2001) golongan ابْنِ السَّبِيلِ yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah orang bermusafir yang berhak mendapat hak tetamu, sedekah dan bantuan kerana orang musafir ialah tetamu.

Itulah sejumlah pandangan para ulama dalam menginterpretasikan maksud rangkai kata ابْنِ السَّبِيلِ ini. Terdapat berbagai-bagai variasi, tetapi masih dalam ruang lingkup makna ابْنِ السَّبِيلِ iaitu orang musafir yang berhak mendapat hak tetamu, kebaikan, hubungan antara manusia dan sebagainya.

Tiga golongan iaitu kaum keluarga terdekat (*ma‘tūf ‘alayh*), golongan miskin (*ma‘tūf pertama*) dan orang musafir (*ma‘tūf kedua*) disebut secara khusus dalam ayat ini kerana mereka adalah golongan utama yang perlu dikasihi dan paling berhak diberikan ihsan berbanding dengan golongan lain (al-Nīsābūriy, 1996; al-Uramiy, 2001; al-Syawkāniy, 2007). Namun, pemberian hak kepada kaum keluarga terdekat (*ma‘tūf ‘alayh*) lebih utama berbanding kepada golongan miskin (*ma‘tūf pertama*) dan orang musafir (*ma‘tūf kedua*) kerana pemberian berkenaan merupakan kewajipan dan keperluan.

Oleh yang demikian, perkaitan antara *ma‘tūf ‘alayh* dengan *ma‘tūf* dalam ayat berkenaan mengisyaratkan kepada keutamaan pemberian hak dan berbuat kebaikan kepada kaum keluarga terdekat (*ma‘tūf ‘alayh*) berbanding golongan miskin (*ma‘tūf pertama*) dan orang musafir (*ma‘tūf kedua*).

Proses kejadian awan dan hujan

Allah S.W.T. berfirman:

﴿اللَّهُ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيَّاحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَيَبْسُطُهُ فِي السَّمَاءِ كَيْفَ يَشَاءُ وَيَجْعَلُهُ كِسْفًا...﴾

Terjemahan: “Allah jualah yang menghantar angin lalu angin itu menggerakkan awan. Kemudian, Allah menyebarkannya di langit sebagaimana yang dikehendakiNya dan menjadikannya berkelompok-kelompok...” (surah al-Rūm 30: 48).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan waw 'atf yang menggabungkan antara rangkai kata *اللَّهُ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيَّاحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَيَبْسُطُهُ فِي السَّمَاءِ كَيْفَ يَشَاءُ* [Allah menyebarkannya di langit sebagaimana yang dikehendakiNya] (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *يَجْعَلُهُ كِسْفًا* [menjadikannya berkelompok-kelompok] (*ma'tūf*). Menurut al-Marāghiy (1946) kata kerja *يَبْسُطُ* dalam rangkai kata yang membentuk *ma'tūf 'alayh* bermaksud menyebarkan awan. Allah S.W.T. menyebarkan awan di langit dalam keadaan bersambung antara satu sama lain melalui perantaraan angin (al-Uramiy, 2001). *Ma'tūf 'alayh* berkenaan dihubungkan dengan rangkai kata *يَجْعَلُهُ كِسْفًا* sebagai *ma'tūf*. *Ma'tūf* menjelaskan bahawa Allah S.W.T. membahagikan awan-awan lalu awan itu menjadi berkelompok dan bergumpal-gumpal (al-Bayḍāwiy, t.t). Menurut Abū al-Su'ūd (t.t) kadangkala, Allah S.W.T. menjadikan awan dalam bentuk gumpalan yang berasingan dan kadangkala Allah menyebarkannya dalam keadaan bersambung antara satu sama lain. Ibn Kathīr (2013) pula berpandangan *ma'tūf* berkenaan mengisyaratkan bahawa Allah S.W.T. mendatangkan awan mendung yang sarat dengan air dari arah laut. Walau bagaimana pun, al-Muwayl (1995) menegaskan bahawa *ma'tūf* lebih cenderung dengan maksud awan berbentuk gumpalan yang berasingan.

Hal ini kerana menurut al-Muwayl (1995) perkataan *سَحَابًا* dalam ayat ini merujuk kepada kejadian awan berlapis. Awan berlapis terbentuk daripada awan yang berkumpul dalam bentuk lapisan. Rangkai kata *اللَّهُ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيَّاحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَيَبْسُطُهُ فِي السَّمَاءِ كَيْفَ يَشَاءُ* dalam ayat berkenaan menjelaskan peringkat pertama kejadian awan berkenaan. Pembentukan awan berlapis bermula dengan angin yang menggerakkan awan yang mengandungi air yang disejat. Pernyataan ini digabungkan dengan rangkai kata *يَبْسُطُهُ فِي السَّمَاءِ كَيْفَ يَشَاءُ* sebagai *ma'tūf 'alayh* yang menggambarkan peringkat kedua kejadian awan berlapis iaitu awan berkembang dan menutup sebahagian besar langit. *Ma'tūf 'alayh* digabungkan dengan rangkai kata *يَجْعَلُهُ كِسْفًا* sebagai *ma'tūf* yang menjelaskan peringkat terakhir kejadian awan berlapis iaitu awan yang berkembang menjadi berlapis di atas satu sama lain (al-Muwayl, 1995).

Justeru, perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* dalam ayat ini mengisyaratkan kepada peringkat-peringkat kejadian awan di langit yang bermula dengan tiupan angin, kemudian terbentuk awan nipis kemudian bergabung membentuk awan berlapis yang menutupi langit. Ini merupakan salah satu aspek *i'jāz* al-Quran dari sudut saintifik yang menceritakan tentang fungsi angin dalam membantu proses kejadian awan seterusnya turunnya hujan (Ghanim, 2010).

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan perbincangan, didapati perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* yang terdapat dalam surah *al-Rūm* boleh dirumuskan seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1: Perkaitan Antara *Ma'tūf 'Alayh* dengan *Ma'tūf* dalam Surah *Al-Rūm*

<i>Ma'tūf 'Alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Perkaitan Antara <i>Ma'tūf 'Alayh</i> dengan <i>Ma'tūf</i>
أَمْثُوا	عَمَلُوا الصَّالِحَاتِ	Hubungan langsung antara keimanan dengan melakukan amalan kebaikan
مَوَدَّةً	رَحْمَةً	Peringkat dan tahap kebahagiaan dalam kehidupan berumah tangga
مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ	اِتِّعَاظُكُمْ مِنْ فَضْلِهِ	Hubungan antara perlakuan tidur dengan aktiviti mencari rezeki
آتِ دَا الْقُرْبَى حَقَّهُ آتِ دَا الْقُرْبَى حَقَّهُ	الْمُسْكِينِ ابْنِ السَّبِيلِ	Keutamaan memberikan hak dan berbuat kebajikan kepada kaum keluarga terdekat berbanding dengan golongan miskin dan orang musafir
فَيَبْسُطُهُ فِي السَّمَاءِ كَيْفَ يَشَاءُ	يَجْعَلُهُ كِسْفًا	Peringkat kejadian awan berlapis

Merujuk kepada jadual yang dipaparkan, didapati analisis terhadap perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* dalam surah *al-Rūm* menemukan jawapan bahawa perkaitan berkenaan mengisyaratkan kepada makna tersirat yang terkandung dalam ayat kajian. Dalam memperkatakan mengenai hubungan antara amalan kebaikan dengan keimanan, amalan kebaikan sebagai *ma'tūf* dihubungkan dengan keimanan sebagai *ma'tūf 'alayh* mengisyaratkan bahawa keimanan (*ma'tūf 'alayh*) adalah asas penerimaan amalan kebaikan (*ma'tūf*) dan kedua elemen ini merupakan pasangan yang saling melengkapi yang bertambah dan berkurang secara bersama.

Dalam memperkatakan tentang kehidupan berumah tangga, perasaan belas kasihan (*ma'tūf*) digabungkan dengan perasaan kasih sayang (*ma'tūf 'alayh*) yang mengisyaratkan bahawa kehidupan berumah tangga yang akan dilalui oleh pasangan

suami isteri mempunyai dua peringkat. Pertama, peringkat kasih sayang (*ma'tūf 'alayh*) yang terhasil pada peringkat awal perkahwinan. Kedua, peringkat belas kasihan (*ma'tūf*) yang terhasil pada peringkat penghujung kehidupan berumah tangga. Perasaan belas kasihan akan terhasil hasil daripada kasih sayang yang dipupuk di awal perkahwinan. Justeru, walaupun manfaat antara satu sama lain semakin berkurang disebabkan faktor kesihatan, kekurangan dan keuzuran, tetapi kerana kasih sayang yang tersemai menyebabkan pasangan berkenaan masih lagi bersimpati dan saling berkorban antara satu sama lain.

Masa tidur manusia yang dipaparkan berlaku pada waktu siang dan malam juga menjelaskan fenomena yang berlaku dalam kehidupan. Manusia akan tidur pada salah satu daripada waktu berkenaan kerana bergantung kepada masa dia bekerja mencari rezeki. Walaupun terdapat tafsiran yang berbeza, akan tetapi perkaitan antara *ma'tūf* (mencari rezeki) dengan *ma'tūf 'alayh* (waktu tidur pada siang dan malam hari) mengisyaratkan kepada keperluan rehat kepada manusia setelah penat berkerja.

Ayat 38 surah *al-Rūm* pula secara tidak langsung mengisyaratkan tentang keutamaan memberikan bantuan kepada kaum kerabat terdekat mengatasi golongan lain yang layak dibantu. Hal ini kerana kedudukan kaum kerabat yang mempunyai hubungan persaudaraan disamping faktor utama iaitu memerlukan bantuan. Sedangkan golongan lain hanya mempunyai satu faktor sahaja iaitu memerlukan bantuan. Ayat ini secara tidak langsung mengisyaratkan keutamaan mendahulukan ahli keluarga dalam pemberian kerana kesan pemberian kepada keluarga terdekat yang akan mengukuhkan hubungan silatullahim (al-Qurtūbiy, 2006).

Manakala ayat 48 surah *al-Rūm* pula mengisyaratkan secara halus kepada proses kejadian hujan yang bermula dengan tiupan angin yang membentuk awan-awan nipis. Gabungan awan nipis ini akan membentuk awan tebal bergumpal. Justeru, kelihatan di sini aspek *i'jāz* saintifik yang menyatakan proses berkenaan yang terbukti secara ilmiah. Awan secara saintifiknya terbentuk daripada titisan-titisan air yang terhasil apabila udara basah bergerak ke atas. Pergerakan ini menyebabkan udara mengembang yang seterusnya menyebabkan sebahagian daripada wap air terkondensasi lalu membentuk awan seperti yang diceritakan dalam al-Quran (Ghanim, 2010; Muşliḥ & al-Şāwiy, 2008).

KESIMPULAN

Analisis terhadap elemen 'atf dalam surah *al-Rūm* telah menemukan implikasi bahawa terdapat perkaitan yang sinonim dalam pemilihan suatu perkataan atau rangkai kata dalam sesuatu ayat. Setiap klausa tidak diletakkan di suatu tempat sebagaimana seadanya sahaja. Sebaliknya pemilihan sesuatu klausa mengisyaratkan

kepada suatu makna tertentu yang boleh diperhalusi melalui penerokaan dan kajian mendalam berkaitan linguistik rabbani. Justeru, kajian yang meneliti elemen berkenaan akan memahami bahawa gabungan antara elemen ‘*atf*’ mengisyaratkan kepada suatu makna, bukan semata-mata gabungan antara *ma‘tūf* ‘*alayh*’ dengan *ma‘tūf* sebagai pelengkap ayat sahaja. Inilah yang nyata mengenai kelebihan linguistik rabbani berbanding dengan percakapan manusia. Justeru, dicadangkan bahawa kajian terhadap gaya bahasa ‘*atf*’ diperluaskan dengan melibatkan partikel ‘*atf*’ dan surah berbeza yang terdapat dalam al-Quran.

RUJUKAN

- Abū al-Su‘ūd, Muḥammad bin Muḥammad al-‘Amādī. (t.t). *Tafsīr Abī al-Su‘ūd: Irsyād al-‘aql al-salīm ilā mazāyā al-Qur‘ān al-Karīm*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabiy.
- ‘Amāyirat, Ismā‘īl Aḥmad. (1988). *Mu‘jam al-adāwāt wa al-ḍamāir fī al-Qur‘ān al-Karīm*. Beirut: Muassasat al-Risālat.
- Al-Alūsiy, Syihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd. (2008). *Rūḥ al-ma‘ānī fī tafsīr al-Qur‘ān al-Karīm wa al-sab‘ al-mathānī*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabiy.
- Al-Andalusiy, Muḥammad bin Yūsuf bin ‘Alī. (2008). *Tafsīr al-baḥr al-muḥīṭ*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- Al-Bayḍāwiy, Nāṣir al-Dīn ‘Abū al-Khayr ‘Abdullah bin ‘Umar bin Muḥammad al-Sayrāziy al-Syāfi‘iy (t.t). *Anwār al-tanzīl wa asrār al-ta‘wīl al-ma‘rūf bi tafsīr al-Bayḍāwiy*. (Muḥammad ‘Abd al-Raḥman al-Mara’syaliy, Ed.). Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabiy.
- Al-Durrah, Muḥammad ‘Alī Ṭaha. (2009). *Tafsīr al-Qur‘ān al-Karīm wa i‘rābuhu wa bayānuhu*. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Al-Ibrāhīm, Muḥammad al-Ṭayyib. (2012). *I‘rāb al-Qur‘ān al-Karīm*. Beirut: Dār al-Nafā’is.
- Al-Kalbiy, Muḥammad bin Aḥmad bin Jazī. (1973). *Kitāb al-tashīl li ‘ulūm al-tanzīl*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabiy.
- Al-Lādaqiyy, Muḥammad Ṭāhir (2016). *al-Nahj al-wādiḥ fī qawā‘id al-lughat al-‘Arabiyyat li al-madāris al-ibtidāiyyat al-silsilat al-ūlā*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- Al-Marāghiy, Aḥmad Muṣṭafā. (1946). *Tafsīr al-marāghiy*. Miṣr: Syarikat Maktabat wa Maṭba‘at Muṣṭafa al-Bābiy al-Ḥalabiy wa Awlādūhu.
- Al-Māwardiy, Abū al-Ḥasan ‘Āliy bin Muḥammad bin Ḥabībā. (t.t). *al-Nukat wa al-‘uyūn: Tafsīr al-Māwardiy*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- Al-Muwayl, Kamāl. (1995). *Āyāt ṭabī‘iyyah fī al-Qur‘ān*. t.tp: Dār al-Kutub al-‘Arabiyyat.
- Al-Naḥḥās, Abū Ja‘far Aḥmad bin Muḥammad bin Ismā‘īl. (2008). *I‘rāb al-Qur‘ān*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Al-Nīsābūriy, Nizām al-Dīn bin Muḥammad bin Ḥusayn al-Qammiy. (1996). *Tafsīr gharāib al-Qur‘ān wa ragḥāib al-Furqān*. (Zakariyyā ‘Umayrāt, Ed.). Beirut:

- Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Al-Qurṭubiy, Abū 'Abdullāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr. (2006). *al-Jāmi' li aḥkām al-Qur'ān wa al-mubayyin limā taḍammanahu min al-sunnat wa āy al-Furqān* ('Abdullāh bin 'Abd al-Ḥasan al-Turkiy et al., Ed.). Beirut: Muassasat al-Risālah.
- Al-Rāziy, Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn. (1981). *al-tafsīr al-kabīr wa mafātih al-ghayb*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Sāmarrā'iy, Fāḍil Šālih. (t.t). *Lamsat bayāniyyat fī al-'atf fī al-Qur'ān al-Karīm*. <http://islamiyyat.3abber.com/post/231320> (21 Nov 2018).
- Al-Sya'rāwiyy, Muḥammad Mutawalliyy. (1972). *Tafsīr al-Sya'rāwiyy*. Miṣr: Matābi' Dār Akhbār al-Yawm.
- Al-Syarqāwiyy, 'Affat. (1981). *Balāghat al-'atf fī al-Qur'ān al-Karīm, Dirāsah Uslūbiyyah*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah.
- Al-Syawkāniyy, Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad. (2007). *fath al-qadīr al-jāmi' bayn fannay al-riwāyah wa al-dirāyah min 'ilm al-tafsīr*. (Yusūf al-Ghūsy, Ed.). Beirut: Dār al-Ma'rifaṭ.
- Al-Talab, Asmā' Yaḥyā 'Abd al-Karīm. (2012). *'Atf al-nasq fī namādhiy min āy al-dhikr al-ḥakīm*. Tesis Sarjana. Sūdān: Jāmi'at al-Jazīrah.
- Al-Ṭantāwiyy. (1992). *al-Tafsīr al-wasīṭ li al-Qur'ān al-Karīm*. Miṣr: al-Hay'ah al-'Ammah li al-Syu'ūn al-Maṭba'i al-Amiriyyah.
- Al-Uramiyy, Muḥammad al-Amīn bin 'Abdullah al-Uramiyy al-'Alawiyy al-Harariyy al-Syāfi'iy. (2001). *Tafsīr ḥadā'iq al-rūḥ wa al-rayḥān fī rawābī 'ulūm al-Qur'ān*. (Hāsyim Muḥammad 'Alī bin Ḥusayn Maḥdī, Ed.). Makkah: Dār Tawq al-Najāt.
- 'Alī, Muḥammad 'Abd al-Qādir al-Šadiq. (2014). *Ḥurūf al-'atf wa dilālatuhā bayn al-naḥwiyyīn wa al-uṣūliyyīn*. Tesis Sarjana. al-Khartūm: Jāmi'at al-Sūdān Li al-'Ulūm Wa al-Tiknūlūjiyyā.
- Ballfuḍayl, Syahīnāz. (2017) *Min ma'ānī al-wāw fī al-Qur'ān al-Karīm : Sūrat al-Baqarat Unmūdḥajan*. Tesis Sarjana. Algeria: Jāmi'at Abū Bakr Bilqayd.
- Ghanim, Kārim al-Sayyid, (2010). *I'jāz al-kitāb fī wasf al-ṣaḥāb*. <http://www.quran-m.com/?/quran/article/2099/> (13 Julai 2019).
- Ḥalalī, 'Abd al-Raḥmān. (2011). Iqtirān al-Īmān bi al-'Amal al-Šālih fī al-Qur'ān al-Karīm. *Majallah jami'ah li al-'ulūm wa al-iqtisādiyyah wa al-qānuniyyah*. 27, 439-463.
- Ḥardān, Ṣafā' 'Abdullah Nayf. (2008). *al-Wāw wa al-fā' wa thumma fī al-Qur'ān al-Karīm: Dirāsah naḥwiyyah dilāliyyah iḥṣaiyyah*. Tesis Sarjana. Nāblus: Jāmi'ah al-Najaḥ al-Waṭaniyyah.
- Ibn 'Āsyūr, Muḥammad al-Ṭāhir. (1984). *Tafsīr al-tahrīr wa al-tanwīr*. Tunisia: al-Dār al-Tūnisiyyat li al-Nasyr.
- Ibn 'Aṭiyyat, Abū Muḥammad 'Abd al-Ḥaq bin Ghālib. (2001). *al-Muḥarrar al-wajīz fī tafsīr al-kitāb al-'azīz*. ('Abd al-Salām 'Abd al-Syāfi Muḥammad, Ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Ibn Hisyām, Abū Muḥammad 'Abdullah Jamāluddīn. (2008). *Awḍaḥ al-masālik ilā*

- alfiyyat Ibn Mālik*. (Barakāt Yūsuf Habbūd, Ed.). Damsyik: Dār Ibn Kathīr.
- Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā’ Ismā‘il bin Kathīr al-Dimasyqiy. (2013). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. (Maḥmūd bin Jamīl, Ed.). Egypt: Muassasat Zād li al-Nasyr wa al-Tawzī‘.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyat, Abū ‘Abdullah Muḥammad bin Abū Bakr al-Dimasyqiy (t.t). *Badāi‘ al-fawāid*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabiy.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyat. (1986). *al-Fawāid*. (Aḥmad Rātib ‘Armūsy, Ed.). Beirut: Dār al-Nafāis.
- Ibn Sīdah, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘il. (1996). *al-Mukhaṣṣaṣ*. (Khalīl Ibrāhīm Jaffāl, Ed.). Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabiy.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Dīn Aḥmad. (1998). *Takhrīj ahādīth majmū‘at al-fatāwā*. (Marwān Kujuk, Ed.). Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Mahdiy, Hudhayfat ‘Abūd. (2015). *al-Tanāsib fī al-Qur’ān al-Karīm, sūrat al-Ṭāriq unmūdhajan*. Iraq: Jāmi‘ah Sāmarrā‘.
- Md. Isa Hashim. (2009). *Penggunaan partikel ‘atf dalam bahasa Arab: Satu analisis dalam surah al-Kaḥf*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muḥammad, Hādiyat ‘Abd al-Raḥman al-Syaykh. (2009). *al-‘Atf anwā‘uhu wa ma‘ānīhi (Ma‘a dirāsah taḥbiqiyah fī sūrat al-Baqarah)*. Tesis Sarjana. al-Ubayyid: Jāmi‘at Kurdufān.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin. (2015). *Dimensi bahasa dalam agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin. (2015). *‘Ilm al-tafsīr and critical discourse analysis: A methodological comparison*. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 15(1), 129-142.
- Muṣliḥ, ‘Abdullah ‘Abd al-‘Azīz, al-Ṣāwiy, ‘Abd al-Jawād. (2008). *al-I‘jāz al-‘ilmīy fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*. Jeddah: al-Hai‘ah al-‘Ālamīyyah li al-I‘jāz al-‘Ilmiy fī al-Qur’ān wa al-Sunnah.
- Rūbhī, Lakhḍar. (2012). *Jamāl al-kalimat al-Qur’āniyyat*. t.tp: t.pt.
- Rokiah Abu Talib. (2006). *Hurūf al-‘atf fī sūrah al-Baqarah : Dirasah taḥbiqiyah taḥlīliyyah*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Syaykhū, Muḥammad Amīn. (t.t). *al-Tarbiyyat al-Islāmiyyah li al-nāsyiah: al-marḥalat al-rābi‘at*. (al-Dīrānī, Ed.). Damsyik: Dār Nūr al-Basyīr.